

## Mampu tingkat imej Orang Asli

Penerbitan buku cerita Orang Asli buka peluang masyarakat kenali latar belakang kaum itu.

**BANTING** - Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kuala Langat menyambut baik usaha British Council dengan kerjasama Hong Leong Foundation dalam menerbitkan buku-buku cerita Orang Asli dalam bahasa Inggeris.

Pegawai PPD Kuala Langat, Maimunah Mustaffah berkata, dengan adanya penglibatan komuniti itu membolehkan masyarakat berpeluang mengetahui latar belakang mereka dengan lebih terperinci.

"Melalui program seperti ini murid Orang Asli boleh berbangga dan menyemayam sikap sayangkan bangsa dan adat budaya mereka."

"Guru-guru dan penduduk setempat juga dapat mempelajari adat dan budaya masyarakat itu dengan lebih mendalam," katanya.

Maimunah berkata, murid juga boleh menjadi

• Projek berkenaan bertujuan untuk memelihara ketulenan sejarah, budaya masyarakat Orang Asli di Kuala Langat

ejen perubahan bagi menaikkan imej Orang Asli dan belajar menjadi pemimpin yang berguna kepada masyarakat dan negara.

"Saya percaya usaha ini mampu meningkatkan imej masyarakat berkenaan. Murid-murid pula boleh tiba ilmu mengenai latar belakang mereka."

"Saya juga berterima kasih sebab ber ruang dan peluang kepada sekolah-sekolah Orang Asli daerah Kuala Langat untuk terlibat dalam projek ini," katanya.

Sementaraitu, penyelaras program, Nazri Shamsuddin



Maimunah ketika melakukan gizik pelancaran sempena usaha British Council dengan kerjasama Hong Leong Foundation dalam menerbitkan buku-buku cerita Orang Asli dalam bahasa Inggeris.

berkata, program itu antara lain bertujuan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dan memupuk minat membaca di kalangan murid Orang Asli.

Menurutnya, projek ini juga mampu memelihara dan menjaga ketulenan sejarah dan budaya masyarakat Orang Asli di Kuala Langat.

"British Council juga akan membeli buku-buku cerita bahasa Inggeris sebanyak 50 naskhah. "Ia diimport dari United Kingdom sebagai bantuan

untuk menggalakkan murid-murid Orang Asli membaca buku cerita bahasa Inggeris.

"Dalam pada itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kemandor menjadi tuan rumah keempat untuk program komuniti ini dan melibatkan ibu bapa dan murid-murid," katanya.

Katanya lagi, program seperti ini boleh berjaya dengan adanya usaha yang berterusan dan kerjasama yang baik daripada semua pihak.

"Saya harapkan ada perubahan sikap yang positif di kalangan murid Orang Asli bermula dari sekolah rendah lagi dan mereka boleh membuktikan yang mereka mampu bersaing dengan rakan-rakan dari bangsa lain."

"Murid Orang Asli perlu buang rasa rendah diri dan sentiasa berusaha untuk kecemerlangan diri," katanya.

## Anggota Rela disarankan kekal disiplin, jati diri

**TELOK PANGLIMA GARANG** - Anggota Rela disarankan supaya sentiasa mengekalkan disiplin dan jati diri agar dapat menjadi contoh kepada masyarakat.

Pengerusi Pembangunan Persekutuan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, ia penting dalam meningkatkan prestasi dan imej bagi mendorong lebih ramai menyertai pasukan sukarela itu.

"Kalau nak tarik lebih

ramai ahli, anggota Rela perlu pamarkan imej yang baik dan jadi pasukan disegani. Lagi pun dia difahamkan jadi anggota Rela ni beruntung sebab penyertaan tidak melalui apa-apap saringan fizikal seperti yang dilakukan kepada tentera dan polis.

"Malah masyarakat juga turut tiktir serta tidak keberatan beri sumbangan untuk pastikan Rela terus berjaya. Saya juga difahamkan kerajaan telah beri

peruntukan sebanyak RM250 juta untuk memastikan keperluan anggota Rela dapat dipenuhi," katanya dalam Mesyuarat Pegawai Rela Daerah Kuala Langat dan Gimik Penyerahan Uniform di Batu 10 Kebun Baharu, semalam.

Katanya, anggota Rela juga dilindungi insurans dan ia merupakan satu keistimewaan yang perlu dihargai semua anggota terlibat.

## Duke 2 beroperasi sepenuhnya penghujung Oktober

**KUALA LUMPUR** - Projek pembinaan Lebuhraya Duta Ulu Kelang Fasa 2 (Duke 2) yang melibatkan dua jajaran iaitu Tun Razak Link (TRL) dan Sri Damansara Link (SDL) akan dibuka sepenuhnya pada penghujung Oktober ini.

Pengarah Urusan Ekohest, Tan Sri Lim Keng Cheng

berkata, beberapa siri ujian dijalankan terhadap sistem pencahanayaan dan saliran khususnya bagi jajaran SDL sebelum lajuan dibuka sepenuhnya.

"Secara keseluruhan projek ini telah mencapai kematangan sehingga 99 peratus dan sebenarnya Duke Fasa 2

sudah bersedia untuk dibuka

kepada orang ramai.

"Tetapi, ada beberapa perkara yang perlu diselesaikan khususnya dalam aspek keselamatan terutama bagi jajaran SDL kerana siap dua bulan awal berbanding sasaran sebenar pada Disember depan," katanya kepada *Sinar Harian*.



Sebahagian anggota Rela yang hadir dalam Mesyuarat Pegawai Rela Daerah Kuala Langat dan Gimik Penyerahan Uniform di Batu 10 Kebun Baharu, semalam.



**KLIK** KONGSI PENGALAMAN Zarina Zainuddin bersama dua anak lelaki kembarnya, Azal dan Azli berkongsi pengalamannya sempena Seminar Keibupaan Positive Parenting anjuran Program Pendidikan Khas Integrasi SMK Pantai Sepang Putra.